

SAMBUTAN HARI TANPA TEBAKAU SEDUNIA 2017



**Dr. Manimaran Krishnan
(CEO MySihat)**

**AMALAN MEROKOK : ANCAMAN KEPADA
GENERASI MASA DEPAN NEGARA'**



PERUTUSAN SEMPENA SAMBUTAN HARI TANPA TEMBAKAU 2017

Pada tanggal 31 Mei setiap tahun, seluruh dunia menyambut Sambutan Hari Tanpa Tembakau seiring dengan kandungan di dalam perjanjian WHO Framework Convention on Tobacco Control (FCTC) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Sambutan yang dijalankan adalah bertujuan untuk memastikan masyarakat dunia mendapat kesedaran dan melakukan tindakan dalam menangani dan meningkatkan kesedaran dalam isu tembakau.

Pada Tahun 2017, World Health Organization (WHO) telah memilih tema "*Tobacco – a threat to development*". Tembakau telah menjadi ancaman kepada kesihatan, ekonomi dan pembangunan iaitu :-

- Lebih 7 juta kematian di peringkat global di mana 12% kematian melibatkan golongan yang berusia lebih 30 tahun.
- Kesan ekonomi melibatkan beban penjagaan kesihatan mencatatkan rekod sebanyak US\$ 1.4 Trillion serta kehilangan produktiviti akibat penyakit dan kematian pra matang.
- 226 juta pengguna tembakau hidup dalam kemiskinan dengan pergantungan berlebihan kepada produk tembakau termasuk rokok dengan tinjauan WHO daripada Negara berpendapatan rendah mendapati 10% pendapatan isi rumah dibelanjakan untuk produk tembakau.

Di Malaysia pula, tema bagi Sambutan Hari Tanpa Tembakau Bagi Tahun 2017 adalah "Amalan Merokok: Ancaman kepada Generasi Masa Depan Negara." Tema sambutan ini dipilih bertujuan untuk mewar-warkan hubungkait di antara budaya hidup sihat tanpa amalan merokok dan kesan positifnya ke atas pembangunan negara ke arah negara maju menjelang 2020 selain menggalakkan semua agensi-agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan untuk bersama-sama menyumbang ke arah kawalan tembakau negara dengan menekankan pembudayaan hidup sihat tanpa amalan merokok, selaras dengan Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau 2015-2020.

Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan 22.8 peratus atau bersamaan 5 juta rakyat Malaysia berumur 15 tahun dan ke atas merupakan perokok. Peratusan ini tertinggi dalam kalangan rakyat

berumur 20 hingga 54 tahun dengan majoriti daripada kaum lelaki iaitu 43 peratus yang tergolong dalam kumpulan yang masih produktif sebagai pekerja yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Lebih 1/3 atau 2.8 juta merupakan perokok pasif yang akan membahayakan kesihatan sama seperti perokok aktif. Perokok pasif adalah orang yang dipaksa menyedut asap rokok basi yang datang dari perokok.

Asap rokok juga dikesan mengandungi 7,000 bahan kimia dengan 70 daripadanya diketahui bersifat karsinogenik atau boleh menyebabkan kanser. Selain nikotin yang memberikan rasa ketagih, rokok juga mengandungi ammonia, benzena, plumbum, formadehid dan lain-lain yang digunakan sebagai bahan pencuci, peluntur, bahan api, racun serangga dan pengawetan yang langsung tiada manfaat kepada tubuh manusia. Kepekatan bahan kimia beracun yang terkandung dalam asap rokok basi adalah lebih jika dibandingkan dengan kepekatan asap disedut oleh perokok secara aktif. Anak-anak yang didedahkan pada asap rokok basi ini mengalami risiko lebih tinggi untuk mengalami pelbagai masalah kesihatan. Mereka cenderung untuk mengalami masalah seperti batuk, asma serta jangkitan paru-paru dan telinga.

Merokok merupakan penyumbang utama kepada kematian dan dianggarkan 20,000 kematian berlaku setiap tahun di Malaysia. Penyakit-penyakit jantung dan saluran pulmonari berada di kedudukan teratas yang mengakibatkan 15.7 peratus jumlah kematian yang dinyatakan tadi. Penyakit kardiovaskular dikenal pasti sebagai penyebab utama kehilangan jangka hayat rakyat serta petunjuk jangka hayat yang diselaraskan dengan kehilangan upaya di Malaysia. Negara perlu menanggung kos untuk merawat penyakit-penyakit berkaitan yang disebabkan oleh amalan

merokok dan dianggarkan RM2.92 bilion dibelanjakan untuk kos rawatan untuk tujuan ini setahun.

Oleh yang demikian, saya menyeru semoga semua pihak iaitu kerajaan, badan bukan kerajaan, masyarakat dan lain-lain agar tidak memberikan sebarang bentuk ruang kepada amalan merokok dalam masyarakat kerana ianya akan merosakkan masa depan generasi muda Malaysia. Komitmen ini perlu diiringi dengan menolak sebarang bentuk tajaan, lobi, iklan serta usaha melalui tanggungjawab sosial korporat oleh industri tembakau dan yang berkaitan dalam menggalakkan amalan negatif ini.

Sempena kedatangan bulan Ramadan yang penuh berkat ini, saya menyeru supaya amalan merokok dihentikan dan marilah kita bermula dengan nafas baharu supaya sambutan dalam persekitaran yang sihat dan udara yang bebas daripada asap rokok demi masa hadapan generasi kita.

Manimaran

Dr Manimaran Krishnan
Ketua Pegawai Eksekutif,
Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia